

PM: Malaysia mesti berani lakukan transformasi ekonomi

KUALA LUMPUR 12 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia mesti mengubah dan berani melakukan transformasi ekonomi untuk beralih dari ekonomi yang digerakkan oleh Pelaburan Langsung Asing (FDI) kepada yang diterajui oleh pelabur tempatan.

Ini kerana, kata Perdana Menteri, dari segi pembiayaan, didapati syarikat asing yang beroperasi di Malaysia membiayai sebahagian besar pelaburan mereka dari sumber dalam negeri.

Oleh itu, ujar beliau, aliran

asing sebenarnya adalah lebih kecil daripada yang diandaikan.

Disamping itu, kata beliau, syarikat FDI mengeluarkan produk yang bukan berjenama Malaysia, kurang mempunyai 'backward and forward linkages' dan menggunakan teknologi asing yang dibangunkan di luar negara.

Menurutnya, sumbangan terbesar FDI ialah pengwujudan dan peluang pekerjaan tetapi hari ini, negara tidak mempunyai penganggur dan peluang ini dinikmati oleh pendatang asing.

"Kita mesti mengubah semua ini dan berani melakukan transformasi ekonomi.

"Kita mesti bertindak pantas dan tangkas membuat 'quantum leap' untuk mengambil alih peranan sebagai pelabur, pengeluar dan pengeksport negara," katanya semasa membentangkan Bajet 2004 di Dewan Rakyat hari ini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata, sektor swasta tempatan mesti mewujudkan dan mengeluarkan produk berjenama Malaysia dengan kualiti bertaraf dunia untuk menembusi dan me-

nguasai pasaran antarabangsa supaya dagangan negara adalah dagangan produk negara.

"Kita perlu menggalakkan inisiatif sektor swasta tempatan untuk mengeluarkan produk tempatan yang mempunyai pembentukan nilai yang tinggi, bermula dari hasil penyelidikan tempatan serta penggunaan komponen serta perkhidmatan logistik tempatan.

"Ini akan menjamin kesan 'spin off' yang lebih luas dan penciptaan kekayaan yang lebih tinggi kepada rakyat dan negara," kata Dr. Mahathir.